

# KEBUDAYAAN ISLAM

Dalam huraian yang jelas ini Tuan Mohammad Natsir menggambarkan “Jejak Islam dalam Kebudayaan” dan memberi sedikit kupasan tentang soal “Asli dan Tidak Asli.”

(Oleh : Mohammad Natsir)

Tidak Asli?

satupun yang asli. Di rumah saya ada satu kitab yang dalamnya dapat dibaca semua perkataan yang tuan khutbahkan itu”.

“Cubalah kita kenangkan sebentar”, kata Prof

Abdul Satar Khari, seorang Guru Besar di Berlin -

“Jika dalam pergaulan hidup kita sekarang ini

tidak ada kertas, timbangan, kompas, gula, ilmu

kimia, di situ baharulah dapat kita merasakan apakah

benarkah yang telah kita terima dari Islam!”

Agak naik darah pendita kita, kerana tuduhan

tuai yang demikian. Diterangkannya dengan sungguh tetapi

sengit juga, bahawa khutbahnya itu adalah buah fikirannya

sendiri dan baharu semalam ia tulis. Dan

mustahil akan dapat dibaca di manapun juga.

Ucapan itu amat ringkas, tetapi tepat!

Dijawab oleh Twain: “Baiklah saya kirimkan

sahaja kitab itu besok kepada tuan, supaya tuan

persaksikan sendiri!” Keesokan harinya

pendita kita menerima dengan perantaraan pos satu

kitab kamus!

Ada lagi terdengar suara lain: “Betul, ada banyak

hasil-hasil yang diberikan Islam dalam kebudayaan kepada

kita, tetapi kaum Muslimin itu bukanlah memberikan yang

*mukhtari*’ (ciptaan- P), yang asli, hanya meneruskan

yang telah ada”.

Begitulah gerangan agaknya bandingan tuduhan orang

terhadap masalah asli atau tidaknya usaha pujangga-pujangga

Muslimin dalam abad keemasan itu. Kita juga tidak

hendak mengatakan bahawa “Islam iu adalah sumber

dari semua ilmu!”, sebab nanti akan ada orang yang

akan tersenyum simpul mendengarnya. Memang antara

pujangga-pujangga Muslimin yang banyak itu ada yang ibarat

matahari, yang memancarkan cahayanya sendiri yang gemerlapan

dan ada pula yang laksana bulan yang memancarkan sinarnya

salinan dari sinar matahari. Akan tetapi kita

sekali-kali tidak dapat “terima-baik”, bila orang

Mendengar ucapan ini kita teringat kepada suatu

jenaka pendek oleh penulis “Mark Twain” kira-kira

begini:

Pada suatu hari minggu, Twain mendengarkan

suatu khutbah menarik dari seorang pendita

yang masyhur kecekapan berkhotbah. Sesudah selesai

upacara tersebut, Twain diperkenalkan orang kepada

pendita itu.

Twain tak lupa memuji khutbah yang penting itu. “Akan

tetapi”, katanya, “apa yang tuan ucapkan tadi tak

berkata bahawa pujangga-pujangga Islam seperti Ibnu Sina, dan lain-lain itu hanyalah sebagai “Kuda penarik yang dipasang di hadapan kereta ahli-ahli kebudayaan Yunani seperti Aristotle dan lainnya”, sebagai pernah diucapkan demikian oleh salah seorang penulis barat. Sebab ini bertentangan dengan kenyataan yang dapat dibuktikan! Kita harus jangan lupa, bahawa sekuat kita mahu, “membangkitkan batang terendam”, sekuat itu pula pihak yang sebelah menekankannya supaya terus terendam dan terpendam selama-lamanya, tak timbul-timbul lagi. Tetapi Alhamdulillah, “undang-undang alam” terus berjalan, pada suatu masa tiap-tiap yang hak itu walaupun bagaimana menutupnya, tetap akan terpampang dan ternyata juga.

### Ibnu al-Haytam

Dalam masa kemajuan teknik fotografi sudah seperti sekarang ini, nama Ibnu al-Haytam sudah mulai disebut-sebut dalam perpustakaan ilmu di barat. Sebab memang sudah terbukti bahawa yang mendapat dasar-dasarnya alat pengambil gambar (camera) yang dikenal oleh semua orang moden dalam abad kedua puluh ini, ialah pujangga Islam Ibnu al-Haytam dalam abad yang kesebelas. Jadi terlebih dahulu dari Leonardo Da Vinci dan pujangga-pujangga barat yang lain.

Al-Hassan Ibnu al-Haytam yang terkenal pada lidah barat dengan sebutan “Al-Hazen” itu ialah seorang ahli pengetahuan yang amat bijaksana dalam ilmu yang dinamakan ilmu “*al-Mariyāt*” yakni ilmu yang berhubung dengan penembusan dalam perjalanan sinar (cahaya). Pada waktu ada gerhana matahari dibuatnyalah sebuah lubang yang kecil pada daun jendela. Setelah daun jendela itu ditutupnya, maka kelihatanlah pada dinding yang bertentangan dengan lubang kecil bangunan matahari yang kecil, yang disebabkan oleh sinar yang masuk ke dalam bilik itu. Bangunan matahari itu kelihatan bukan bundar sebagaimana biasa, tetapi seperti bulan sabit tujuh hari, kerana gerhana itu.

Akhirnya Ibnu al-Haytam sampai kepada kaedah kamera Obscura iaitu kira-kira 200 tahun sebelum ahli-ahli barat seperti Libby van Grayson, Don Pepinos, Leonardo Da Vinci dan lain-lain.

Kritik Ibnu al-Haytam terhadap ahli-ahli purbakala seperti Ecglids dan Ptolomeu tentang penembusan dan perjalanan sinar itu telah menimbulkan “Satu kebangkitan” dalam alam tersebut pada zamannya itu. Kedua-duanya berpendapat bahawa sebabnya maka kita menampak barang-barang yang ada disekeliling kita ialah kerana mata kita mengiringkan sinar kepada barang-barang itu. Ibnu al-Haytam memutar teori itu dalam menerangkan bahawa bukanlah oleh kerana ada sinar yang dikirimkan oleh mata kepada barang-barang yang kelihatan itu, tetapi sebaliknya, iaitu matalah yang menerima sinar dari barang-barang itu yang lantas melalui bahagian mata yang dapat dilalui cahaya.

Pengaruh Ibnu al-Haytam dalam “ilmu sinar” itu di Barat berkesan dalam karangan Leonardo Da Vinci dan tak kurang pula dalam tulisan pujangga barat yang masyhur John Kepler, Roger Becon dan lain-lain ahli alam ini dalam abad pertengahan. Mereka mendasarkan teori dan tulisan-tulisan mereka kepada teori Ibnu al-Haytam yang telah disalin ke dalam bahasa latin dan disiarkan dengan nama “*Opticae Thesaurus*”.

### Roh Intikad

Dalam pada itu jangan pula kita lupakan bahawa sebenarnya kepiutangan budi “dunia kebudayaan” terhadap Islam itu bukanlah terutama sekali terletak pada “hasil” atau “buah” dari pekerjaan pujangga-pujangga Muslimin di dalam abad keemasan itu, akan

tetapi terletaknya ialah dalam “roh al-Intikad” (jiwa kritik-P), kekuatan menyiasat dan menyelidiki kebenaran yang ditanamkan oleh agama Islam dalam dada tiap-tiap putera Islam itu.

Roh Intikad inilah yang mendidik mereka, supaya mempergunakan akal dan menyelidik dengan saksama, serta menjauhkan mereka dari taklid membuta tuli dalam semua perkara. Roh itu adalah terbit dari ajaran Quran, maksudnya: “Dan janganlah engkau turut sahaja apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan atasnya kerana sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati itu, semuanya akan ditanya tentang itu !” (Al-Isra’, 36).

Untuk menggambarkan bagaimana hasil dan didikan Quran yang amat halus dan tinggi ini, marilah kita dengar apa yang dikatakan oleh seorang pujangga Islam pada zaman itu iaitu Abu Musa Jabir Ibnu Hayyan ahli kimia yang terkenal: “Pendirian-pendirian yang berdasarkan “kata si anu”, ertinya perkataan yang tidak disertakan bukti penyelidikan, tidak berharga dalam ilmu kimia. Satu kaedah dalam ilmu kimia ini dengan tidak ada kecualian, ialah bahawa dalil yang tidak berdasarkan “bukti” yang nyata, harganya tidak lebih dari satu omongan yang boleh jadi benar dan boleh jadi keliru. Hanya bila seseorang membawakan keterangan dengan bukti yang nyata, penguatkan pendiriannya, baharulah boleh kita berkata : pendirian tuan dapatlah kami terima !”

Dan untuk mengukur betapa tinggi nilainya pendirian yang seperti ini, perlu pula kita ingat bahawa pada zaman itu, malah 2 atau 3 abad sesudahnya masa Jabir Ibnu Hayyan ini, benua Eropah yang sekarang memegang kendali kebudayaan dunia itu, masih penuh diselimuti oleh segala macam tahyul dan taklid buta.

“Anatomi dan ilmu psikologi peninggalan purbakala telah hancur. Cara menaksir suatu penyakit dipulangkan kepada semacam hitungan dan rekaan-rekaan dengan ibu jari yang tidak keruan (tidak teratur dengan betul\_-P). Dari ilmu tanaman-tanaman hanya tinggal rangkanya sahaja. Mutu alam kedoktoran tidak lebih dari sekumpulan bacaan-bacaan yang disertai oleh segala macam perbuatan sihir.” Demikian gambaran seorang pentarikh barat dalam menghuraikan merosotnya ilmu di barat pada waktu itu.

Adapun tentang “pendirian”, serta “mencari dan menentukan ijtihad”, adalah telah jadi darah daging dalam kalangan Islam. Perhatikanlah, betapa teliti, hemat serta cermatnya kaum Muslimin mengumpul, memilih dan menyaring hadis-hadis yang bakal jadi dasar untuk fatwa dan pendirian dalam hukum agama. Diperiksa “isi” perkataannya, diteliti “sanad” dan “mensanadnya”, diatur riwayat hidup yang sesungguhnya tentang peribadi dan akhlak seseorang rawi agama manakah, falsafah mazhab apakah dan kebudayaan aliran manakah yang telah mendidik pengikutnya kepada roh al-Iktikad yang sempurna demikian tinggi tingkatnya?

Dalam hal ini, sudah pada tempatnya bila mana kita kaum Muslimin menjawab dengan tegas: “Yang mendidik kami sampai demikian, ialah agama kami iaitu agama fitrah, agama yang sesuai dan selaras dengan fitrah kejadian manusia!”


Adapun pendapat ini, pendapat itu dan lain-lain dalam berbagai ilmu pengetahuan, adalah “bunga” dan “buah” yang diterbitkan oleh “roh al-Iktikad” itu. Maka “bunga” yang indah dan buah yang lazat itu akan dirasai kembali oleh umat ini, apabila pokok itu telah hidup tumbuh dengan sihat dan subur kembali

dalam dada kaum Muslimin.

Sebaliknya pun benar juga. Setelah kaum Muslimin kehilangan pokok yang tak ternilai harganya itu, harakat mereka di langit kebudayaan makin lama makin turunlah. Keberanian yang tadinya hidup berkobar-kobar bertukarlah dengan perasaan kecil, rasa kurang harga (rasa rendah diri-P.). Roh yang segera dan gembira menghadapi hidup tadinya, menjadilah roh yang tundu-ringkuk, penyembah kubur dan tempat-tempat keramat, menjadi budak azimat dan air jampi. Tangan yang tadinya begitu giat menyelidik, memeriksa alam supaya memberi manfaat kepada umat manusia lantas terkulai tak dihamah, selain daripada menghitung buah tasbih penebus bidadari di dalam syurga . . . !

Maka mengingati ini, tiap-tiap usaha dari kaum kita sekarang yang berusaha untuk menghidupkan “roh al-Intikad” itu kembali dan menghapuskan “*Libās al-khauf*” (pakaian takut-P.) dengan segala ikhtiar dari kalangan kita umat Islam, tidak dapat kita pandang sebagai suatu usaha titik bingit dan inting sahaja, tetapi harus mendapat penghargaan dan bantuan yang sewajarnya. Usaha kaum kita membersihkan hukum-hukum agama dari segala macam bidaah dan khurafat serta usaha membongkar pokok-pokok bidaah dan khurafat itu, yang bersandar pada “roh suka bertaklid buta”, dan mengganti roh lembab ini dengan roh al-Iktikad, adalah usaha yang selayaknya kita hormati dan tunjang bersama-sama dengan sekuat tenaga kita.

Memang kurang adil, apabila usaha kaum kita dalam lapangan yang satu ini, hanya dipandang dengan agak mengejek dan dicap dengan “urusan Pharoeh”, serta kita anggap sepi sahaja sama sekali. Kita jangan lupa mereka yang memperbincangkan pelbagai macam masalah itu, yang satu tempoh nampaknya mungkin dianggap sebagai



*Murid-murid Madrasah al-Khilāqīyah al-Islāmiyyah Masjid Tinggi Bagan Serai Perak, bergambar sebagai kenangan dengan Saudara Amin yang akan melanjutkan pelajarannya ke Indonesia. Dari kanan: Idris al-Haji Adnan, Osman Nur dan Saudara Amin.*

perkara kecil sahaja, tetapi pada hakikatnya mereka adalah pembongkar pokok asal kesesatan-kesesatan yang membawa kita jadi jauh dari rahmat dan ‘*ināyah* Allah *subhānahu wa Ta’ālā* Perbandingan hubungan antara “khurafat” dan “taklid”, adalah sama erti dengan hubungan antara “hasil hubungan yang gilang gemilang” dengan “roh Al Iktikad”.

Jalan untuk membongkar roh taklid ini satu-satunya ialah memperlihatkan dengan tidak sembunyi-sembunyi dan terus terang, kekeliruan-kekeliruan khurafat dan bidaah itu. Memperlihatkannya ini berkehendak kepada *munāẓarah* dan *mujādilah* yang bukan kecil, menurut tenaga, kecekapan dan kebijaksanaan yang amat besar.

Kita semua telah sama-sama melihat bagaimana akibatnya “kebudayaan” yang terlepas dari pimpinan dan jiwa tauhid yang suci bersih, serta akhlak dan ibadat dan sihat. Semua ini, ada hubungannya antara satu dengan yang lain, hubungan yang bergantung dan bersangkut paut.

Ini adalah ajaran tarikh yang amat nyata bagi kita semua.

-Dari kitab “Capita Seleкта”